


PERLINDUNGAN PIDM BAGI KONSUMER KEWANGAN

PIDM adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan pada tahun 2005 di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia¹ (Akta PIDM).² Dalam memenuhi mandat kami sebagai pihak berkuasa perlindungan konsumen kewangan dan juga pihak berkuasa resolusi bagi institusi ahli, PIDM melindungi konsumen kewangan di Malaysia dengan:

- 1 Melindungi deposit dan manfaat takaful dan insurans
- 2 Mewujudkan kesedaran dan memperkukuhkan keyakinan
- 3 Menyediakan insentif kepada institusi ahli kekal selamat dan berdaya maju
- 4 Memastikan resolusi efektif bagi institusi ahli
- 5 Mempertingkatkan kesediaan untuk mendepani krisis



1 PIDM MELINDUNGI DEPOSIT DAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS

PIDM melindungi deposit serta manfaat takaful dan insurans **konsumer kewangan** sekiranya sesebuah institusi ahli gagal. Perlindungan ini diberikan secara automatik dan percuma kepada konsumer kewangan. PIDM mempunyai 42 bank ahli dan 50 ahli penginsurans.

Perlindungan PIDM bagi Pendeposit di Bank Ahli

PIDM melindungi deposit yang layak sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit di setiap bank ahli. Perlindungan berasingan diberikan kepada deposit konvensional dan Islam yang dipegang oleh individu, pemilik bersama, perniagaan tunggal, pemegang amanah, perniagaan perkongsian dan syarikat.

PIDM melindungi 96% pendeposit dengan sepenuhnya. Skop dan had perlindungan deposit yang diberikan PIDM kekal tinggi, malah melebihi tahap yang disyorkan dalam Core Principles for Effective Deposit Insurance Systems oleh **International Association of Deposit Insurers (IADI)**. IADI mengesyorkan perlindungan insurans deposit sekurang-kurangnya pada tahap 80% daripada jumlah pendeposit (orang) dan sebanyak 20% - 30% daripada nilai jumlah deposit.



Siapakah konsumer kewangan?

Mereka ialah pelanggan institusi ahli PIDM yang terdiri daripada:

- pendeposit (penyimpan wang) di bank; dan
- pemilik sijil takaful dan polisi insurans di Malaysia



Apa itu IADI?

IADI adalah sebuah organisasi bukan berlandaskan keuntungan yang ditubuhkan pada bulan Mei 2002, yang bertujuan untuk mempertingkatkan keberkesanan sistem insurans deposit dengan menyediakan panduan dan menggalakkan kerjasama antarabangsa.

PIDM merupakan ahli **IADI** yang aktif.

¹ Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Akta PIDM)


² Akta terkini ialah Akta PIDM 2011 berikutan pelbagai pindaan

PERLINDUNGAN PIDM BAGI KONSUMER KEWANGAN

96% pendeposit dilindungi sepenuhnya



96%
pendeposit dilindungi sepenuhnya




Individu
97%


Pemilik bersama
93%


Pemegang amanah
97%


Perniagaan tunggal
96%


Perniagaan perkongsian
95%



Syarikat
84%

Sumber: PIDM


Perlindungan PIDM untuk Pemilik Sijil Takaful dan Polisi Insurans oleh Ahli Penginsurans

Bagi pemilik sijil takaful dan polisi insurans, PIDM melindungi manfaat takaful dan insurans yang layak sehingga RM500,000. Perlindungan ini meliputi 99% daripada pemilik sijil takaful keluarga dan polisi insurans hayat, dan 96% daripada pemilik sijil takaful am dan polisi insurans am sepenuhnya. Perlindungan berasingan juga diberikan kepada sijil takaful dan polisi insurans yang dipegang oleh individu dan kumpulan, serta tuntutan untuk diri sendiri dan pihak ketiga.

Takaful Keluarga dan Insurans Hayat



Takaful Am dan Insurans Am



Sumber: Kajian PIDM

PERLINDUNGAN PIDM BAGI KONSUMER KEWANGAN

Penambahbaikan Perlindungan pada Tahun 2021

Berkuat kuasa pada 1 Januari 2021, PIDM telah menambah baik perlindungan kepada pemilik sijil takaful dan polisi insurans dengan melindungi hampir kesemua jenis manfaat di bawah sijil dan polisi yang layak (tertakluk kepada syarat dan had yang dinyatakan dalam kontrak takaful dan polisi masing-masing). Perubahan tersebut dijelaskan dalam gambar rajah berikut:



Had perlindungan (tertakluk kepada syarat-syarat dan had yang dinyatakan secara khusus dalam kontrak takaful dan polisi masing-masing)

100%

Penjagaan kesihatan; premium atau sumbangan prabayar boleh dibayar balik bagi penjagaan kesihatan dan insurans wajib


RM 500,000

Manfaat lain yang dilindungi

2 PIDM MEWUJUDKAN KESEDARAN DAN MEMPERKUKUHKAN KEYAKINAN

PIDM melaksanakan aktiviti kesedaran awam secara meluas agar konsumen kewangan menyedari tentang wujudnya sistem perlindungan PIDM dan memahami manfaat dan hadnya. Ini adalah penting supaya konsumen kewangan memiliki kefahaman yang jelas dan mempunyai keyakinan terhadap sistem perlindungan kewangan ini, justeru dapat mengurangkan risiko berlakunya *bank run* terhadap institusi ahli ketika dalam keadaan tertekan atau ketidaktentuan. Usaha memupuk kesedaran orang awam juga bertujuan membina daya tahan kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia dan meningkatkan keyakinan terhadap keupayaan PIDM untuk melaksanakan mandat dan peranannya sebagai pihak berkuasa resolusi, di mana kami berhasrat untuk beralih daripada kesedaran asas kepada kepercayaan dan keyakinan orang awam terhadap PIDM.

Tahap Kesedaran Orang Awam terhadap PIDM (2019 - 2021)




Kesedaran awam tentang PIDM telah meningkat dengan ketara dalam tempoh tiga³ tahun kebelakangan, iaitu daripada 62% pada tahun 2019 kepada tahap tertinggi yang pernah dicapai iaitu **81% pada tahun 2021**. Pencapaian ini membuktikan keberkesanan strategi komunikasi awam dan juga usaha-usaha yang kami laksanakan selama ini.

³ Darpada hasil kaji selidik kesedaran awam PIDM di seluruh negara yang dijalankan pada setiap tahun

PERLINDUNGAN PIDM BAGI KONSUMER KEWANGAN

Pada tahun 2021, kami telah beralih kepada pendekatan lebih bersasar berbanding tahun-tahun sebelum ini - daripada pengiklanan yang bertumpukan kepada media tradisional kepada pendekatan yang lebih berjangka panjang dan mampan, iaitu kandungan yang menjurus kepada pendidikan kewangan. Dengan pendekatan baharu ini, kami telah memperkenalkan “Chief BerUang” sebagai ikon pengurusan kewangan yang baik, dan juga telah melancarkan kempen daya tahan kewangan - #SediaPayungKewangan (#SPK)⁴ Berikutan penggunaan ruang digital yang semakin meningkat disebabkan oleh pandemik, kami telah menambah peruntukan pengiklanan bagi platform digital dan media sosial, serta membangunkan dan berkongsi lebih banyak kandungan melalui Facebook, YouTube dan LinkedIn.



Selain meningkatkan kesedaran jenama melalui iklan radio, cetak dan digital, kami juga meneruskan usaha untuk meningkatkan kefahaman tentang sistem perlindungan PIDM melalui kerjasama dengan rakan kongsi media, penerbit dalam talian melalui penulisan artikel, *podcast* dan kandungan video tentang ciri-ciri utama Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Sorotan usaha dan pencapaian kami mengenai kesedaran awam pada tahun 2021 boleh didapati di bahagian Prestasi.

Objektif utama strategi komunikasi PIDM dalam jangka masa panjang adalah untuk membina kepercayaan dan keyakinan orang awam terhadap PIDM melalui kandungan dan kaedah komunikasi. Kami telah mula mempelbagaikan kandungan komunikasi dengan menyetengahkan aktiviti tanggungjawab sosial korporat dan aktiviti korporat lain untuk membina kesedaran yang mampan dan berkekalan terhadap PIDM. Kami juga membawakan kisah-kisah insaniah menarik tentang kakitangan dan penerima biasiswa PIDM yang berkongsi pengalaman hidup peribadi mereka. Objektif keseluruhan adalah untuk menggunakan kandungan yang berkenaan dan mengaitkannya dengan kewujudan PIDM, di samping meningkatkan kesedaran serta kefahaman tentang PIDM dan sistem perlindungannya. Di masa depan, kami juga berhasrat untuk meningkatkan tahap advokasi orang awam terhadap PIDM.

Kesedaran orang awam tentang PIDM dan peranannya telah meningkatkan lagi pengetahuan dan juga keyakinan orang awam. Ini adalah penting kerana usaha yang telah kami laksanakan dan sistem yang ditadbir untuk melindungi konsumen kewangan tidak akan mencapai keberkesanan yang diinginkan sekiranya orang awam tidak mengetahui akan wujudnya sistem perlindungan ini atau tidak yakin terhadap PIDM untuk melaksanakan mandat kami. Oleh itu, PIDM akan terus berusaha dengan gigih untuk memastikan orang awam mengetahui – bukan sahaja siapa kami, apa yang kami lakukan dan bagaimana kami melakukannya – tetapi lebih penting lagi, mereka boleh bergantung kepada PIDM untuk melindungi mereka apabila diperlukan.

3 PIDM MENYEDIAKAN INSENTIF UNTUK INSTITUSI AHLI KEKAL SELAMAT DAN BERDAYA MAJU

PIDM menyokong kestabilan sistem kewangan secara keseluruhannya dengan menggalakkan keselamatan dan kekukuhan institusi ahli kami dengan memberikan insentif bagi pelaksanaan pengurusan risiko yang wajar melalui rangka kerja Sistem Premium Berbeza bagi bank ahli, rangka kerja Sistem Levi Berbeza bagi syarikat insurans dan rangka kerja Sistem Levi Berbeza bagi pengendali takaful.

Bank ahli membayar premium dan ahli penginsurans membayar levi kepada PIDM setiap tahun. Institusi ahli dicaj berdasarkan profil risiko mereka di bawah Sistem Premium Berbeza bagi bank ahli, Sistem Levi Berbeza bagi syarikat insurans dan Sistem Levi Berbeza bagi pengendali takaful. Pembayaran premium dan levi ini adalah berdasarkan **mekanisme pendanaan ex-ante**.



Apakah mekanisme pendanaan ex-ante?

Kami mendahulukan pengumpulan dana dalam bentuk premium dan levi daripada institusi ahli kami ketika beroperasi seperti biasa (*business as usual*).


⁴ Bacaan lanjut tentang kempen ini boleh didapati dalam artikel “Daya Tahan Kewangan Ke Arah Kehidupan Yang Mampan” dalam Bahagian ini

PERLINDUNGAN PIDM BAGI KONSUMER KEWANGAN

Sistem Premium dan Levi Berbeza

Sistem Premium Berbeza bagi bank ahli, Sistem Levi Berbeza bagi syarikat insurans dan Sistem Levi Berbeza bagi pengendali takaful telah melalui pelbagai peringkat kematangan dan dipertingkatkan secara progresif supaya kekal efektif dan relevan. Pelaksanaan Sistem Premium Berbeza bagi bank ahli pada tahun 2008, Sistem Levi Berbeza bagi syarikat insurans pada tahun 2013 dan Sistem Premium Berbeza bagi pengendali takaful pada tahun 2016, membolehkan kutipan premium dan levi berbeza dilaksanakan mengikut profil risiko setiap institusi ahli. Institusi ahli yang mempunyai profil risiko lebih tinggi perlu membayar premium atau levi yang lebih tinggi berbanding institusi ahli dengan profil risiko yang lebih rendah. Rangka kerja ini memberi insentif kepada institusi ahli untuk mempertingkatkan amalan pengurusan risiko mereka, di samping meningkatkan daya tahan mereka dan mencegah berlakunya kegagalan, dan pada masa yang sama menggalakkan kestabilan dalam sistem kewangan.


Evolusi Sistem Premium Berbeza bagi Bank Ahli, Sistem Levi Berbeza bagi Syarikat Insurans dan Sistem Levi Berbeza bagi Pengendali Takaful



PERLINDUNGAN PIDM BAGI KONSUMER KEWANGAN

Sistem Premium Berbeza bagi Bank Ahli - Melangkah ke Hadapan

Berikutan perubahan dalam persekitaran operasi dan landskap kawal selia, PIDM telah mengeluarkan kertas perundingan berkaitan cadangan penambahbaikan Sistem Premium Berbeza bagi bank ahli pada bulan Ogos 2021. Cadangan ini dijangka dapat meneruskan amalan pengurusan risiko yang wajar di seluruh sistem kewangan dan pada masa yang sama menyediakan insentif ke arah mencapai resolusi yang teratur bagi institusi ahli. Kajian semula juga akan dilakukan bagi Sistem Levi Berbeza bagi syarikat insurans dan Sistem Levi Berbeza bagi pengendali takaful. Hasil daripada penambahbaikan yang dibuat pada masa hadapan dijangka akan menyumbang kepada kestabilan keseluruhan sistem kewangan.



4 PIDM MEMASTIKAN RESOLUSI EFEKTIF BAGI INSTITUSI AHLI

Sejajar dengan mandatnya untuk memastikan pelaksanaan resolusi dengan segera dan efektif dengan cara yang meminimumkan kos terhadap sistem kewangan, PIDM telah memulakan kerjasama dengan Bank Negara Malaysia (BNM) untuk membangunkan rangka kerja **Perancangan Pemulihan dan Resolusi** yang mantap.



Apa itu Perancangan Pemulihan dan Resolusi?

Perancangan Pemulihan dan Resolusi terdiri daripada dua komponen berasingan tetapi saling berkaitan iaitu perancangan pemulihan dan perancangan resolusi, untuk tujuan mempertingkatkan kebolehsesediaan, kebolehpulihan dan kebolehsesediaan institusi kewangan.

PERLINDUNGAN PIDM BAGI KONSUMER KEWANGAN

Pelaksanaan Perancangan Pemulihan dan Resolusi di Malaysia


PIDM dan BNM memulakan inisiatif Perancangan Pemulihan dan Resolusi untuk industri pada tahun 2017, dengan BNM mengetuai proses **Perancangan Pemulihan** dan PIDM mengetuai proses **Perancangan Resolusi**.



Apa itu Perancangan Pemulihan dan Perancangan Resolusi?

Perancangan Pemulihan bertujuan memastikan institusi kewangan menyediakan dan mengekalkan pelan pemulihan yang menentukan opsyen untuk memulihkan kedudukan kewangan mereka ke tahap boleh diterima ketika mengalami tekanan yang teruk.

Perancangan Resolusi bertujuan memudahcara resolusi supaya dapat dilakukan dengan segera dan teratur melalui pembangunan pelan resolusi institusi kewangan ketika beroperasi seperti biasa.



Program Rintis Perancangan Resolusi

PIDM telah memuktamadkan Program Rintis Perancangan Resolusi dengan tiga buah bank perintis pada suku kedua 2021. Program ini memberikan pengalaman praktikal yang boleh diguna pakai untuk pelancaran Perancangan Resolusi yang akan datang:



Keperluan penglibatan secara aktif dan pengaturan kerjasama dengan institusi ahli

Penglibatan interaktif antara bank perintis dan PIDM melalui beberapa siri bengkel kerja dan mesyuarat sepanjang Program Rintis Perancangan Resolusi membantu dalam menjelaskan keperluan maklumat dan harapan PIDM.



Keperluan menyelaraskan permintaan maklumat

Penglibatan rapat antara BNM dan PIDM yang bertujuan meminimumkan potensi pertindihan dalam permintaan maklumat antara Perancangan Resolusi dan Perancangan Pemulihan telah berjaya mengurangkan beban kawal selia.

Pada masa hadapan, permintaan maklumat Perancangan Resolusi akan menumpukan kepada permintaan maklumat khusus, di samping memanfaatkan maklumat yang telah diserahkan untuk Perancangan Pemulihan.



Keperluan pemakaian pendekatan secara berkadar

Skop, tahap dan garis masa keperluan maklumat Perancangan Resolusi disesuaikan dan disasarkan setimpal dengan strategi, isu, saiz dan kerumitan institusi ahli.

PERLINDUNGAN PIDM BAGI KONSUMER KEWANGAN

Perancangan Resolusi – Pelaksanaan Seterusnya

Proses Perancangan Resolusi di Malaysia dijangka dilaksanakan secara lalaran (*iterative*), berpandukan kemajuan dan kesediaan institusi ahli.

Dalam usaha kami membangunkan rejim resolusi yang efektif, kami menyedari bahawa kerjasama dan koordinasi dengan pemegang kepentingan utama - khususnya institusi ahli - adalah penting. Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan Perancangan Resolusi pada masa hadapan, perancangan lebih awal dan komitmen adalah perlu. Dalam tempoh dua tahun akan datang, kertas perundingan mengenai Rangka Kerja Perancangan Resolusi akan dikeluarkan kepada institusi ahli, diikuti dengan pengeluaran Garis Panduan Perancangan Resolusi, dan akhirnya pelancaran Perancangan Resolusi. Sama seperti Perancangan Pemulihan, proses Perancangan Resolusi dijangka dilaksanakan secara berfasa.



Dalam tempoh jangka panjang, PIDM akan bekerjasama dengan institusi ahli untuk membangunkan **pelan operasi** bagi menyokong pelaksanaan **strategi resolusi** institusi ahli yang efektif. Perancangan resolusi yang berwibawa perlu mengenal pasti dan menangani halangan di samping membina keupayaan operasi yang diperlukan bagi pelaksanaan strategi resolusi.



Apakah strategi resolusi dan pelan operasi?

Strategi resolusi menetapkan unsur-unsur penting bagi pendekatan resolusi yang dicadangkan manakala **pelan operasi** menetapkan pengaturan untuk melaksanakan strategi resolusi terpilih.

Ibarat seorang juruterbang yang memandu pesawatnya dengan selamat menuju ke destinasi yang ditentukan, pengajaran yang diperoleh daripada program rintis membolehkan kami dan institusi ahli kami, mendepani kerumitan yang ada dalam proses Perancangan Resolusi, dan terus mara ke hadapan dalam usaha ke arah kesediaan resolusi.

5 PIDM MEMPERTINGKATKAN KESEDIAAN UNTUK MENDEPANI KRISIS

Ketika krisis, setiap saat amatlah kritikal. Tindak balas yang cepat amat diperlukan. Namun begitu, bertindak balas tanpa sebarang persediaan dan pertimbangan yang wajar boleh menjejaskan sesebuah organisasi dan meletakkannya pada kedudukan yang boleh menjejaskan sebarang usaha pemulihan. Oleh itu, sesebuah organisasi seharusnya membuat persediaan yang terbaik untuk mendepani segala kemungkinan ketika berlakunya krisis.

Di PIDM, kami berlandaskan konsep “siap sedia” atau “*just-in-case*”, di mana kami terlebih dahulu memastikan daya tahan organisasi sebelum kemungkinan berlakunya krisis. Ini berbeza dengan pendekatan “tepat pada masa” atau “*just-in-time*”, di mana tindakan hanya diambil mengikut keperluan pada masa itu.

PERLINDUNGAN PIDM BAGI KONSUMER KEWANGAN

Dalam menguruskan sesuatu krisis, pelaksanaan **pelan pengurusan krisis** memerlukan pengetahuan mengenai peranan dan tanggungjawab, begitu juga masa untuk bertindak, dan apa yang sepatutnya (dan apa yang tidak sepatutnya) dilakukan. Pada tahun 2021, kami menguji pelan pengurusan krisis melalui beberapa latihan simulasi, yang bertumpu kepada komunikasi ketika krisis.



Apa itu Pelan Pengurusan Krisis?

Pelan Pengurusan Krisis PIDM menggariskan peranan dan tanggungjawab, interaksi antara pihak terlibat, langkah-langkah pengurusan dan matriks keputusan, bagi mengaktifkan penglibatan, penggubalan mesej dan pelaporan untuk penambahbaikan usaha dan inisiatif pada masa hadapan.

Menguji Sejauh Mana Tahap Persediaan Kami

All the world's a stage, and all the men and women merely players...and one man in his time plays many parts.⁵

- William Shakespeare

Sebagaimana pelakon teater perlu melakukan latihan berulang-ulang kali bagi memastikan wataknya dapat dihayati dan agar lakonan berjalan lancar, ahli jaringan keselamatan kewangan juga perlu membuat persediaan termasuk mengadakan latihan simulasi, agar memahami peranan masing-masing dengan lebih baik. Latihan simulasi kami ibarat raptai penuh di mana segala-galanya disatukan di atas pentas seolah-olah semasa persembahan sebenar, tetapi tanpa penonton. Begitu juga dengan PIDM dan ahli jaringan keselamatan lain yang sentiasa menjalankan latihan simulasi bersama, sebagai satu cara untuk memahami peranan masing-masing dan menyelaraskan usaha kami.

Sehubungan ini, PIDM telah melaksanakan beberapa latihan simulasi krisis pada tahun 2021, termasuk latihan simulasi antara agensi dalam kalangan ahli utama jaringan keselamatan kewangan. Pada tahun-tahun akan datang, kami merancang untuk melaksanakan latihan simulasi tahunan yang menguji pelbagai bidang intervensi dan resolusi kegagalan supaya, apabila tiba masa persembahan – apabila tirai dinaikkan dan lampu sorot dinyalakan, kami dapat memberikan persembahan yang terbaik.

Kelancaran Pembayaran Balik dan Kaedah Pembayaran DuitNow

Dalam usaha meningkatkan persediaan untuk mendepani krisis, kami telah **menambah baik keupayaan pembayaran balik** sekiranya kami dikehendaki untuk membuat pembayaran balik kepada pendeposit.

Bagi mencapai matlamat ini, pada tahun 2021 kami telah diterima sebagai ahli kepada Platform Pembayaran Runcit Masa Nyata PayNet. Sebagai ahli kepada platform ini, PIDM boleh melakukan pembayaran balik pukul dengan segera dan selamat, dengan merujuk proksi pendeposit berdasarkan nombor kad pengenalan dan nombor pendaftaran perniagaan di bawah pembayaran melalui DuitNow. Kerjasama dengan PayNet juga akan membolehkan PIDM memanfaatkan kemudahan pembayaran runcit yang ditawarkan oleh PayNet pada masa hadapan.



Apakah maksud keupayaan pembayaran balik dipertingkatkan?

Keupayaan pembayaran balik dipertingkatkan membolehkan kami memastikan pendeposit dibayar balik dengan lancar dan pendeposit memperoleh akses segera kepada dana mereka ketika kegagalan bank.

Kaedah pembayaran DuitNow adalah tambahan kepada saluran pembayaran sedia ada iaitu pemindahan bayaran antara bank dan pembayaran cek.


Sebagai sebahagian daripada persediaan kami mendepani krisis, pada masa hadapan, PIDM akan mempertimbangkan inisiatif-inisiatif yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan memastikan orang awam sentiasa mempunyai maklumat yang menyeluruh ketika berlaku krisis atau kegagalan bank ahli. Kami juga akan meneruskan usaha untuk menaik taraf infrastruktur pembayaran balik agar sistem PIDM lebih mesra pengguna, menambah baik fungsi pengurusan permintaan dan pengesahan secara dalam talian yang lebih selamat dengan keupayaan fungsi *Know-Your-Customer* secara elektronik.

⁵ As You Like It, Babak II, Adegan VII

PERLINDUNGAN PIDM BAGI KONSUMER KEWANGAN

Dalam Fokus: Ketika Institusi Ahli Berada dalam Keadaan yang Kukuh, Tumpuan Perancangan Resolusi dan Persediaan Mendepani Krisis Terus Menjadi Keutamaan Demi Mendepani Sebarang Kemungkinan

Dua tahun dari bermulanya pandemik COVID-19, institusi ahli kami kekal berdaya tahan. Keteguhan asas dan penampan kewangan institusi ahli membolehkan mereka terus menyokong isi rumah dan perniagaan yang terjejas akibat pandemik.



Melangkah ke hadapan, asas yang kukuh dan penampan yang mencukupi membolehkan institusi ahli terus menyokong pengantaraan kewangan ketika ekonomi semakin pulih, dan mampu mengharungi sebarang cabaran.

PERLINDUNGAN PIDM BAGI KONSUMER KEWANGAN



Institusi ahli PIDM ternyata mampu menyokong pengantaraan kewangan walaupun dalam keadaan ekonomi dan kewangan yang mencabar ketika pandemik. Meskipun begitu, inisiatif perancangan resolusi dan persediaan mendepani krisis bertujuan untuk menambah baik kesediaan operasi resolusi untuk mendepani sebarang kemungkinan atau krisis kewangan.

Everything we do before a pandemic will seem alarmist. Everything we do after a pandemic will seem inadequate. This is the dilemma we face, but it should not stop us from doing what we can to prepare. We need to reach out to everyone with words that inform, but not inflame. We need to encourage everyone to prepare, but not panic.

- Michael O. Leavitt, mantan Setiausaha Jabatan Kesihatan dan Perkhidmatan Manusia Amerika Syarikat

Gantikan “*pandemic*” dengan “*crisis*” dan kata-kata beliau seperti di atas dapat menggambarkan cabaran yang dihadapi oleh PIDM dalam usaha melindungi konsumen kewangan di Malaysia.